

12 OCT 1996

Umno-Pengerusi

PENGERUSI TETAP UMNO MOHON BILIK BEKERJA

KUALA LUMPUR, 12 Okt (Bernama) -- Tan Sri Sulaiman Ninam Shah yang telah 21 tahun menjadi Pengerusi Tetap Umno hari ini merayu ibu pejabat Umno supaya menyediakan bilik kerja untuknya.

Beliau berkata adalah amat memalukan sebagai seorang pengerusi tetap, beliau terpaksa menceroboh bilik Setiausaha Agung Umno, Datuk Mohamed Rahmat untuk melaksanakan tugasnya.

Ketika berucap menanggungkan Perhimpunan Agung yang dipengerusinya sejak tiga hari lepas di sini, beliau berkata adalah menjadi sejarah baginya apabila tahun ini merupakan tahun ke-50 beliau menganggotai Umno.

"Saya memasuki Umno pada 11 Mei 1946 dan tidak pernah keluar (parti) hingga hari ini dan umur saya sudah 77 tahun dan masih dipilih untuk memegang jawatan pengerusi tetap bagi tempoh tiga tahun lagi," katanya.

"Ini bermakna pada tahun 1999, saya akan berumur 80 tahun dan saya tidak percaya orang (anggota Umno) masih mempercayai saya (untuk mempengerusikan persidangan)," katanya.

Pada pemilihan kali ini, Sulaiman memenangi jawatan itu setelah mengalahkan Datuk Abdul Rahman Suliman dengan undi majoriti 1,139 undi. Sulaiman mendapat 1,498 undi.

Sulaiman mengucapkan terima kasih kepada mereka yang telah memberi kepercayaan kepadanya untuk terus menjadi pengerusi tetap untuk tiga tahun lagi.

Ketika ditemui Bernama kemudian, Sulaiman berkata perhimpunan kali ini adalah yang terbaik pernah dikendali dan dihadirinya.

"Perhimpunan kali ini sangat baik, teratur dan tidak ada sesiapa yang melanggar peraturan... tiada masalah," katanya.

Beliau memuji ucapan Presiden Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Presiden Datuk Seri Anwar Ibrahim pada perhimpunan tahun ini yang turut dianggapnya yang terbaik.

Katanya ucapan kedua-dua pemimpin tertinggi parti itu merupakan panduan dan nasihat untuk hala tuju Umno pada masa depan.

Mengenai bilangan anggota perwakilan yang berkurangan sehari selepas pemilihan Majlis Tertinggi dijalankan, Sulaiman berkata ia biasa berlaku pada tahun-tahun yang diadakan pertandingan kerana perwakilan lebih menumpukan kepada keputusan pemilihan. -- BERNAMA

HS RAZ RON